

07/09/2001

Lawatan PM tingkat hubungan KL-London

KUALA LUMPUR, Khamis - London yakin hubungan dengan Kuala Lumpur akan diperkukuhkan lagi dengan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Britain minggu depan.

Pesuruhjaya Tinggi Britain yang akan tamat perkhidmatannya di sini, Graham Fry berkata Britain amat berminat memastikan hubungan rapat dan mesra dengan Malaysia berterusan memandangkan kedua-dua negara mempunyai hubungan mendalam dari segi sejarah hinggalah kepada pelaburan, perdagangan dan pendidikan.

"Pertemuan antara Dr Mahathir dan (Perdana Menteri Britain) Tony Blair dijangka memperkatakan secara umum kedudukan hubungan dua hala dan kemungkinan satu atau dua lagi isu antarabangsa," katanya dalam satu temu ramah di sini hari ini.

Fry, yang penggal perkhidmatannya selama tiga tahun, akan berakhir pada 19 September ini, dijadual kembali ke London sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian di pejabat Hal Ehwal Luar.

Dr Mahathir dijangka tiba di London pada 11 September bagi lawatan dua hari sebelum mengunjungi Russia, Jerman dan Luxemburg.

Fry berkata, Britain sentiasa menganggap Malaysia sebagai sebuah negara yang penting di dunia sebelah sini.

"Jadi apa yang kami mahu lakukan ialah memperkukuhkan lagi hubungan itu dan memastikan kita memelihara hubungan rapat ini," katanya.

Beliau berkata, antara usaha yang akan dilaksanakan Britain ialah meningkatkan perdagangan dan pelaburan di Malaysia yang telah pulih daripada kemerosotan ekonomi.

"Kerajaan British telah memutuskan untuk memberi penjelasan kepada syarikat industri kecil dan sederhananya melalui rakan dagangan di United Kingdom mengenai pemulihan ekonomi Malaysia," katanya sambil menjelaskan, lebih banyak misi dagangan ke Malaysia akan diadakan sebelum akhir tahun ini.

Satu misi Majlis British Malaysia akan diadakan pada akhir Oktober, manakala pada November, lebih 100 syarikat Britain akan mengunjungi Malaysia dalam satu misi minyak dan gas.

Fry berkata, Kuala Lumpur dan London juga dijangka mengadakan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi memandangkan Britain melahirkan paling ramai pemenang anugerah Nobel dalam bidang sains, di belakang Amerika Syarikat.

"Kami mahukan hubungan lebih erat dalam bidang sains dan teknologi kerana kami mempunyai sekurang-kurangnya 15 syarikat Britain yang beroperasi di Koridor raya Multimedia (MSC)," katanya.

Mengenai pendidikan, beliau berkata Britain mengembangkan program biasiswa mereka dengan menawarkan kira-kira 50 biasiswa lepasan ijazah bagi rakyat Malaysia melanjutkan pengajian di sana.

(END)